

## **BAB 5**

### **ANALISIS DATA & DAPATAN KAJIAN 2: STRATEGI PERBUALAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Di dalam bab ini dimuatkan analisis data dan dapatan kajian mengenai strategi perbualan. Kajian ini juga akan mengenalpasti jenis-jenis strategi perbualan yang digunakan oleh peserta kajian ini.

#### **5.2 Analisis Data 2**

Analisis terhadap struktur perbualan bahasa Jepun di dalam kajian ini mungkin memperlihatkan strategi-strategi perbualan yang digunakan oleh para penutur ini untuk mengambil giliran, mengekalkan giliran serta menutup giliran perbualan masing-masing.

### 5.3 Dapatan

Strategi-strategi perbualan yang digunakan oleh para peserta dan Pengerusi boleh dilihat di dalam Bahagian 5.3.1, 5.3.2 dan 5.3.3. Mereka menggunakan beberapa strategi tertentu di dalam perbualan bagi mengambil giliran, mengekalkan giliran serta menutup giliran. Menutup giliran terbahagi kepada dua iaitu menutup giliran sendiri dan menutup giliran peserta lain.

Di dalam strategi mengekalkan giliran seperti yang terdapat di dalam Bahagian 5.3.1, peserta menggunakan strategi penukaran bentuk kata kerja *masu* di hujung ayat kepada bentuk partikel *te* dan partikel *shi*, penggunaan *desu* dan *ne*, serta intonasi tinggi di hujung ayat, sebutan laju serta penggunaan kata penyambung ayat seperti, *de*, *soshite*, *sorekara* dan sebagainya di awal ayat. Kesemua kata penyambung ayat ini membawa maksud ‘dan’ atau ‘selepas itu’.

Bagi menutup giliran perbualan pula, seperti yang terdapat di dalam Bahagian 5.3.2, peserta menggunakan kata kerja *omoimasu* atau *kangaemasu* yang membawa maksud ‘saya rasa’, ‘pada pendapat saya’, ‘saya fikir’ dan sebagainya. Peserta menggunakan strategi ini untuk memberi isyarat secara langsung bahawa dia akan menutup ujaran. Apa yang menarik, penggunaan kata kerja sebegini secara tidak langsung turut mencerminkan budaya atau sifat bahasa Jepun yang mempunyai banyak perkataan atau ujaran yang mengandungi konotasi ketidakpastian. Selain dari menggunakan kata kerja ini, terdapat penutur yang menggunakan ujaran *hai* atau *haa* di hujung ujaran. Ujaran ini menunjukkan

ketenangan atau keadaan emosi penutur apabila dikaitkan dengan sesuatu isu. Peserta yang menutup perbualan melalui ujaran *hai* dan *haa* adalah peserta di dalam perbincangan perorangan.

Pengerusi pula menutup ujaran penutur semasa menggunakan *aizuchi hai* dan *naruhodo* bagi menghantar isyarat awal kepada penutur semasa agar bersedia untuk menutup ujaran dan memberi giliran kepada peserta lain.

Terdapat dua kaedah pengambilan giliran iaitu, P menamakan peserta yang berhak dan melalui celahan oleh pendengar (lihat Bahagian 5.3.3). Peserta biasanya akan menunggu sehingga penutur semasa menamatkan ujaran sebelum mengambil giliran. Peserta yang tidak sabar pula akan membuat celahan untuk merampas giliran.

### **5.3.1 Strategi Perbualan-Mengekalkan Giliran**

Apabila mula bercakap kita akan meneruskan ujaran kita sehinggalah kita meluahkan seluruhnya pendapat kita. Oleh itu kita cuba untuk mengekalkan giliran bercakap sehinggalah kita bersedia untuk menutup ujaran. Di dalam kajian ini terdapat beberapa strategi yang digunakan oleh penutur semasa untuk mengekalkan giliran. Strategi ini boleh didapati di dalam ujaran penutur semasa.

Di dalam bahasa Jepun, setiap ayat diakhiri dengan kata kerja. Apabila sesuatu ayat berada pada peringkat kata kerja, penutur yang ingin mengambil giliran, berkemungkinan akan membuat celahan atau merampas giliran kerana kata kerja adalah tanda bahawa sesuatu ayat akan selesai iaitu salah satu tanda kemungkinan TRP. Di bawah ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh penutur semasa di hujung ayat sebagai satu strategi untuk mengekalkan giliran.

**a) Penukaran Bentuk Kata Kerja *Masu* kepada Bentuk *Te* atau *Shi***

Penutur semasa yang bercadang untuk meneruskan ujaran selepas sesuatu kata kerja (penghujung ayat) akan menukar bentuk kata kerja (*masu*) kepada bentuk partikel *te* atau *shi*. *Shi* dan *te* di sini bertindak sebagai kata penyambung yang menunjukkan ayat tergantung dan secara tidak langsung memberitahu pendengar bahawa masih ada pendapat atau idea yang ingin disampaikan oleh penutur semasa. Jadual 5.1 menunjukkan penukaran bentuk kata kerja *masu* kepada bentuk *te* atau bentuk *shi*.

**Jadual 5.1: Penukaran Bentuk Kata Kerja *Masu***

Kata Kerja <i>Masu</i>	Bentuk <i>Te</i> atau <i>Shi</i>
<i>Dearimasu</i>	<i>Dearimashite / deatte / dearimasushi</i>
<i>Desu</i>	<i>Deshite / dashi</i>
<i>Shimasu</i>	<i>Shimashite / shimasushi / surushi</i>
<i>Gozaimasu</i>	<i>Gozaimashite / gozaimasushi</i>

Penukaran bentuk ini membolehkan penutur semasa menyambung beberapa ayat kepada satu ayat majmuk yang panjang.

[16] Penukaran bentuk kata kerja *masu* kepada bentuk *te* dan *shi* selepas kemungkinan TRP bagi mengekalkan giliran bercakap.

(1783-1785)

DD:.. もう共用する問題だから、(うん) 国会の場で国民に審議してもらおうと、(うん) というところで出したのであって、(うん) 私は何らのぼうきょでもないし、(うん) むしろ21世紀に対する危機意識と、(うん) ...

...*mou kyouyousuru mondai dakara, (un) kokkaino ba de kokuminni shingishite moraouto, (un) toiutokorode dashitanodeatte, (un) watashiwa nanrano boukyo demonaishi, (un) mushiro 21 seikini taisuru kiki ishikito, (un) ...*

...Oleh kerana ini masalah bersama, (*un*) di Diet rakyat patut memilih, (*un*) kerana itu kami **keluarkan**, (*un*) saya rasa itu **bukan** cara yang kasar, (*un*) malah ini krisis pemahaman pada abad 21...

Di sini DD boleh mengujarkan *dashitanodesu* dan bukan *dashitano deatte*.

*Dashitanodesu* menunjukkan satu unit ayat sudah selesai tetapi *dashitanodeatte* menunjukkan masih ada lagi unit idea yang ingin disampaikan oleh DD. Begitu juga dengan ujaran *demonaishi* adalah ditukar daripada *demoarimasen*. Dari pada contoh di atas kita boleh melihat bahawa sebenarnya ayat yang terkandung di dalam ujaran tersebut adalah sekurang-kurangnya 3 ayat tetapi dengan menggunakan kata penyambung tersebut, DD menghantar isyarat kepada para peserta lain bahawa ujarannya masih belum selesai dan dia masih ingin meneruskan ujarannya. Keadaan yang sama boleh dilihat di dalam ujaran II di bawah.

[17] Penukaran bentuk kata kerja *masu* kepada bentuk *te* dan *shi* selepas kemungkinan TRP bagi mengekalkan giliran bercakap.

(1831-1836)

II: ...そのときに参議院の定数問題がありましてですね、  
自民党と自由党で、えー3月の24日に、合意した文  
章がございまして、えー当時の議員会長のZさんと、  
自由党のZさんと合意文章でございましてですね、  
(うん) これはですね、自民党の意見として「非拘束  
はですね、欠陥が多く、憲法に抵触する可能性もある」、  
という話を出し、(えー) そして我々はやっぱりあの  
一比例廃止でございますので、(うん) 両党の党の意  
見として、

*...sonotokini sangiinno teisuu mondaiga arimashite desune, jimintouto jiyuutoude, ee san gatsuno nijuu yokkani, gou i shita bunshouga gozaimashite, ee toujino giin kaichouno Z santo, jiyuutouno Z santo gou i bunnshoude gozaimashitedesune, (un) korewa desune jimintouno iken toshite, hikousokuwadesune, kekkanga ooku, kenpouni teishoku suru kanouseimo aru, toiu hanashiwo dashi, (ee) soshite warewarewa yappari anou hireihaishide gozaimasunode, (un) ryoutouno touno iken toshite,*

...pada masa itu **ada** masalah penetapan bilangan ahli Dewan Ahli Majlis, di antara Parti Liberal Demokratik dan Parti Liberal, pada 24hb 3, **ada** ayat persetujuan bersama, En. Z yang pada masa itu presiden ahli parlimen, **ada** ayat persetujuan bersama dengan En. Z dari Parti Liberal, (*un*) sebagai pendapat Parti Liberal Demokratik, format senarai tidak terhad mempunyai banyak kekurangan, ada kemungkinan berlawanan dengan perlembagaan, mereka **keluarkan** cerita tersebut (*ee*) dan kerana kami memutuskan untuk membatalkan sistem perwakilan seimbang, (*un*) sebagai pendapat kedua-dua parti,

Ujaran II tanpa noktah ini akan lebih panjang sekiranya ujarannya tidak dicelah oleh penutur lain. Penggunaan ujaran yang menggunakan kata penyambung atau partikel *te* dan *shi* ini walaupun mungkin bersalahan atau janggal dari segi peraturan nahu bahasa Jepun tetapi boleh diterima di dalam bentuk wacana perbualan. Apa yang penulis maksudkan dengan janggal ialah apabila *arimashite* atau *gozaimashite* di sambung dengan *desune* adalah bersalahan dari segi nahu bahasa Jepun, tetapi *desune* tersebut mempunyai fungsi yang tersendiri iaitu untuk menarik perhatian pendengar ke arah apa yang ingin disampaikan berikutnya. Ini merupakan salah satu daripada ciri-ciri yang terdapat di dalam wacana perbualan bahasa Jepun.

### b) Penggunaan *Desu* dan *Ne* serta Intonasi Tinggi

Ujaran [17] menunjukkan bagaimana penutur menyambung kata kerja *arimashita* dan *gozaimashita* kepada bentuk *te* kemudiannya menyambungkannya dengan kata kerja *desu* dan partikel *ne*. Di dalam perbualan [18], penutur juga menggunakan intonasi tinggi kepada *ne* yang menunjukkan penutur mahu

menarik perhatian pendengar. Oleh itu, terdapat dua cara penutur menarik perhatian pendengar iaitu dengan menukar kata kerja kepada bentuk *tedesune* dan meninggikan intonasi *tedesune* atau *ne* tersebut. Selain daripada berfungsi untuk menarik perhatian pendengar, penggunaan *desune* atau *ne* pada kemungkinan TRP sebenarnya lebih menguatkan ‘hasrat’ penutur bahawa masih ada mesej yang ingin disampaikan olehnya.

Fungsi *ne* dihujung ayat atau di hujung ujaran bukan sahaja untuk menarik perhatian pendengar ke arah apa yang ingin disampaikan oleh penutur semasa tetapi juga sebagai satu strategi mengekalkan giliran bercakap.


Seperti di dalam ujaran [17],

1. ...*sonotokini sangiinno teisuu mondaiga arimashitedesune*,  
(ayat tergantung)
  2. ...*sonotokini sangiinno teisuu mondaiga arimashitene*, (ayat tergantung)
  3. ...*sonotokini sangiinno teisuu mondaiga arimashite*, (ayat tergantung)
  4. ...*sonotokini sangiinno teisuu mondaiga arimashita*. (satu ayat)
- 
1. ...*jiyuutouno Z santo goui bunshoude gozaimashitedesune*,  
(ayat tergantung)
  2. ...*jiyuutouno Z santo goui bunshoude gozaimashitene*, (ayat tergantung)

3. ...*jiyuutouno Z santo goui bunshoude gozaimashite*, (ayat tergantung)
4. ...*jiyuutouno Z santo goui bunshoude gozaimashita*. (satu ayat)

Ujaran 1 merupakan ujaran sebenar yang diujarkan oleh peserta. Ia merupakan ayat tergantung kerana di hujung ayat terdapat partikel *te*, kata kerja *desu* serta partikel *ne* yang menunjukkan bahawa ayat tersebut belum selesai. Penutur tersebut boleh mengujarkan ujaran seperti di dalam 2 dan 3 kerana ujaran tersebut juga adalah ayat tergantung yang juga menunjukkan bahawa ujarannya masih belum selesai dan ada lagi yang perlu diucapkannya. Walau bagaimanapun penutur tersebut mengujarkan 1 kerana *te+desu+ne* mempunyai lebih ‘kekuatan’ untuk menarik perhatian pendengar berbanding *te+ne* di dalam ujaran 2 atau *te* di dalam 3. Ujaran 4 pula adalah bentuk kata kerja jika penutur sudah selesai menuturkan sesuatu ayat. Jika penutur membuat ujaran 4 ada kemungkinan yang ujaran selepas itu akan diganggu oleh pendengar.

Rajah 5.1 menunjukkan tahap ‘kekuatan’ penggunaan *tedesune* di dalam sesuatu ujaran seperti yang telah dibincangkan di atas. Ia digunakan untuk menarik perhatian pendengar ke arah apa yang ingin disampaikan seterusnya oleh penutur semasa bagi menunjukkan masih ada mesej yang ingin disampaikan. Iaitu satu strategi bagi mengekalkan giliran bercakap.



**Rajah 5.1: ‘Kekuatan’ *tedesune* bagi Mengelalkan Giliran Bercakap**

*Ne* diujarkan selepas penukaran kata kerja bentuk *te*. Apabila penutur mengujarkan *ne* (di dalam *tene* dan *tedesune*), dia berusaha menarik minat pendengar ke arah hujahnya dan dengan meninggikan intonasinya pula penutur semasa ‘memberitahu’ secara tidak langsung bahawa dia masih mempunyai hujah yang perlu disampaikan dan ini adalah satu strategi untuk mengekalkan giliran bercakap.

Penggunaan partikel *ne* bukan sahaja pada pertengahan ujaran (pertengahan ujaran tetapi di hujung kata kerja), tetapi juga pada penghujung ujaran. Ayat di bawah menunjukkan dua fungsi *ne* yang berbeza, iaitu untuk menarik perhatian pendengar dan mengekalkan giliran bercakap.

[18] Penggunaan intonasi tinggi pada partikel *ne* pada hujung ujaran atau kemungkinan TRP yang menunjukkan penutur menggunakan strategi penggunaan intonasi bagi mengekalkan giliran bercakap.

(2200-2201)

GG: ...それをね↑、(うん) 私は議論しようとしたの参議院抜本制度が変わってね↑。

そうしたら、自民党ですよ、(うん) 自民党がね、(うん) ...

...*sorewone*↑, (un) *watashiwa gironshiyouto shitano, sangiin bappon seidoga kawattene.*↑  
*Soushitara, jimintoudesuyo, (un) jimintougane, (un)...*

...itu↑, (un) saya bercadang untuk bincangkan, pertukaran↑ secara drastik sistem Dewan Ahli Majlis.  
Bila begitu, Parti Liberal Demokratik, (un) Parti Liberal Demokratik,(un)...

*Ne* di dalam *sorewone* dan *jimintougane* dengan intonasi yang tinggi pada *ne* menunjukkan yang penutur semasa ingin menarik perhatian pendengar ke arah apa yang ingin disampaikan olehnya. *Ne* di dalam *kawattene* dengan intonasi yang juga tinggi adalah bertujuan bukan sahaja untuk menarik perhatian pendengar tetapi juga satu strategi penutur semasa untuk mengekalkan giliran. Ujaran *kawattene* walaupun pada hujung ujaran, cara ujaran itu diucapkan seperti nada yang tinggi dan tergantung menunjukkan dengan jelas bahawa masih ada lagi apa yang ingin disampaikan olehnya selepas ujaran tersebut.

### c) Sebutan Laju

Cara lain bagaimana penutur mahu mengekalkan giliran ialah dengan menyambungkan ayat dengan ayat, unit idea (PPU) dengan unit idea yang seterusnya, menggunakan sebutan laju atau ‘bercakap cepat’ seperti di dalam ujaran [16], [17] dan [18]. Iaitu penutur tidak berhenti untuk menarik nafas sebaliknya terus menyambung ayat lain. Walau bagaimanapun, penutur akan berhenti menarik nafas atau mengambil masa untuk berfikir mencari idea pada pertengahan ayat.

Penggunaan intonasi yang tinggi atau rendah dan strategi-strategi perbualan iaitu partikel *ne*, *shi* dan *te*, serta *desu* merupakan strategi-strategi utama penutur bagi mengekalkan giliran bercakap.

### d) Penggunaan Kata Penyambung Ayat

Penggunaan kata penyambung ayat seperti *de* (dan), *soshite* (dan), *mata* (lagi), *sorekara* (selepas itu), *mou hitotsu* (satu lagi) dan sebagainya secara jelas menunjukkan hasrat penutur untuk meneruskan lagi ujaran.

[19] Penggunaan *de* pada awal ayat penutur O.  
(3510-3511)

O: ... で、その中で、(うん) えー、今の、その比例制度がですね、(うん) 参議院にふさわしいかどうかという議論があります。  
で、わが党の中でも、(うん)

...*De sono nakade, (un) ee, imano, sono hirei seidoga desunee, (un) sangiinni husawashiika douka toui gironga arimasu.*

*De, wagatouno nakademo, (un)*

...**dan**, dalam itu, (un) sistem perwakilan seimbang itu, sekarang, (un) ada perdebatan samada ia sesuai atau tidak dengan Dewan Ahli Majlis.

**Dan** di dalam parti kami pun, (un)

[20] Penggunaan *soshite*, dan *mouhitotsu* pada awal ayat penutur O.  
(3894-3897)

O: ... ただ、今の段階で来年に、間に合うような議論にはなってないから、(うん) そういうことを含めて、議論しましょうと言ってるんです。  
そして、もう一つ↑, (うん) 非拘束式といった場合に、(うん) 国民の皆さんには政党でも個人でも選べるといわれましたが、

...*Tada, imano dankaide rainenni, maniau youna gironniwa nattenaikara, (un) souiu kotowo hukumete, giron shimashouto itterundesu.*

*Soshite, mouhitotsu↑, (un) hikousoku shikito itta baani, (un) kokuminno minasanwa seitoudemo kojindemo eraberuto iwaremashitaga,*

...tetapi, pada peringkat sekarang, kerana tidak menjadi perbincangan yang sempat sehingga tahun depan, (un) termasuk perkara tersebut, saya kata mahu berbincang.

**Dan, satu lagi↑**, (un) jika dikatakan format senarai tidak terhad, (un) rakyat boleh memilih parti dan calon peribadi, tetapi,

[21] Penggunaan *de*, *mazu*, *soshite*, *korega hitotsu* dan *sorekara* pada awal ayat penutur L.  
(4084-4090)

L: 私たちはまず、あのう、斡旋利得罪ですね。（うん）  
で、これは、あの詮議の案件として、もう特別委員会  
に降りてるわけですよ。  
そしてサン国会ににわたって、さまざまな形ででも  
うこれ継続になってる案件ですからね。…  
これが一つ。  
それから、暮らしの問題ではですね、…

*watashitachiwa mazu, anou, assen ritokuzai desune. (un)*  
*De, korewa, ano sengino ankentoshite, mou tokubetsu iinkaini oriteru wakedesuyo.*  
*Soshite san kokkaini watatte, samazana katachide mou kore keizoku ninatteru ankendesukarane...*  
*Korega hitotsu.*  
*Sorekara, kurashino mondaidewadesune, ...*

Pendapat kami **pertama sekali**, adalah mengenai jenayah rasuah.  
(un)  
**Dan**, ini, sebagai cadangan terpilih, sudah ada pada peringkat jawatan kuasa khusus.  
**Kemudian** turun ke Parlimen, dalam berbagai bentuk, kerana ini cadangan yang berterusan...  
**Ini yang pertama.**  
**Kemudian**, masalah kehidupan pula...

Ujaran jenis ini menunjukkan penutur sedang merangka bentuk atau ideanya yang tertentu. Ujaran jenis ini lebih tersusun kerana pendengar bukan sahaja akan lebih mudah untuk memahami ujaran penutur malahan dapat meneka masa yang sesuai untuk mengambil giliran kerana terdapat peringkat-peringkat ujaran yang telah diberikan penutur.

### **5.3.2 Strategi Perbualan-Menutup Giliran**

Penutur juga mempunyai strategi bagi menutup perbualan sendiri. Strategi atau tanda yang diberikan oleh penutur semasa amat penting bagi pendengar kerana dari situ, pendengar boleh mengagak bahawa penutur semasa telah habis memberi pendapat dan pendengar boleh mengambil giliran seterusnya. Terdapat beberapa cara bagaimana penutur semasa menutup perbualan atau memberitahu kemungkinan TRPnya kepada penutur lain.

#### **a) Menutup Perbualan Melalui Kata Kerja yang Mempunyai Konotasi Ketidakpastian**

Perbualan ditutup dengan kata kerja seperti *to omoimasu*, *to kangaemasu*, *toiuhuuni mimasu*, *inshouwo mochimasu* dan sebagainya. Walau bagaimanapun kata penutup yang lebih banyak digunakan ialah *to omoimasu* dan *to kangaemasu*.

Makna *omoimasu* di dalam kamus bahasa Jepun-bahasa Inggeris terbitan Kenkyusha (1983) ialah, *Think, consider, believe, feel, judge, feel, imagine, and guess.* Begitu juga dengan makna *kangaemasu*. Pada penghujung perbualan, sebagai penutup penutur mengujarkan *to omoimasu* dan *to kangaemasu*. Ini seolah-olah menunjukkan segala apa-apa ujaran yang diucap sebelum ini adalah hanya pada pemikiran penutur. Walaupun ia bertentangan dengan peserta lain, itu tidak menjadi persoalan kepada penutur kerana ujarannya hanyalah berdasarkan pada pemikirannya sahaja. Ia digunakan seolah-olah bagi mengelakkan sif penutur menanggung apa-apa risiko atau tanggungjawab

jika fakta atau apa-apa yang diujarkan sebelum ini bertentangan dengan fakta atau pandangan umum.

[22] K menutup perbualan dengan *to omoimasu*.  
(5300-5302)

K: ...そして、その事実関係が非常に動くということも含めてですね、やはりあのー、野党からもおっしゃったように(うん)この事実関係は、冷静にかつ、(うん)明確にですね、えー、明らかにしていくことは大変大事なことだと思います。

*...Soshite sono jijitsu kankeiga hijouni ugokutoiukotomo hukumetedesune, yahari anou, yotou karamo osshattayouni (un) kono jijitsu kankeiwa, reiseini katsu, (un) meikakuni, ee, akirakan shite ikukotowa taihen daijina kotodato omoimasu.*

...dan termasuklah hubungan sebenarnya itu sangat berkesan, *yahari anou* seperti apa yang dikatakan oleh parti pembangkang (*un*) hubungan sebenarnya ini, tenang dan, (*un*) terang, *ee*, jelas **saya rasa** itu sangat penting sekali.

Di dalam perbualan [22] ini, K menutup ujarannya dengan kata kerja *to omoimasu*. Sebelum ini tidak terdapat *to omoimasu* di dalam ujaran K. *To omoimasu* boleh diterjemahkan sebagai ‘saya fikir’ atau ‘saya rasa’. *To omoimasu* tidak terikat kepada ayat yang terakhir sahaja tetapi juga boleh merangkumi ayat-ayat sebelum ini. Ini menunjukkan apa-apa yang dinyatakannya dari awal ujaran sehingga akhir ujaran adalah keseluruhan dari pendapatnya dan itu menunjukkan dia sudah tidak mempunyai apa-apa yang ingin dikatakan lagi. P kemudiannya memberi giliran kepada peserta lain.

Selain daripada bentuk *to omoimasu* terdapat juga bentuk *toiuhuuni omoimasu* atau *to kangaeteimasu*, dan membawa maksud dan fungsi yang sama. Jelaslah terdapat satu cara bagaimana penutur asli menutup perbualan iaitu dengan mengujarkan *to omoimasu* atau *to kangaemasu*. Ia merupakan tanda yang berguna kepada peserta lain untuk mengambil giliran. Di dalam kajian ini *to omoimasu* hanya terdapat pada penghujung ujaran sahaja yang bolehlah disifatkan sebagai kesimpulan atau penutup kepada ayat-ayat sebelumnya.

Penutup atau kesimpulan ini amat penting di dalam perbualan bahasa Jepun kerana tanpa penutup seperti ini pendengar atau pengacara tidak mengetahui bila masa yang sesuai untuk mencelah dan mengambil giliran. Sebagai pendengar yang setia, pendengar bahasa Jepun kerap melakukan *aizuchi* sehingga penutur habis menyampaikan ideanya. Penutup ini juga merupakan satu strategi bagi penutur semasa untuk memberi isyarat kepada pendengar bahawa *aizuchi* tidak lagi diperlukan dan pendengar pula boleh mengambil giliran.

#### **b) Menutup Perbualan dengan Ujaran yang Menunjukkan Ketenangan dan Keadaan Emosi Sipenutur**

Selain daripada penutur menutup perbualan dengan menggunakan *to omoimasu* dan *to kangaemasu*, terdapat juga penutur yang menggunakan ujaran *hai* dan *haa* yang menunjukkan dia sudah selesai bercakap. Ujaran penutup *hai* dan *haa* digunakan semasa sipenutur di dalam keadaan yang tenang.

[23] Perbualan antara P dan Y. Y menutup perbualannya dengan *hai*.  
(7598-7603)

Y: 信任されたこと。

*shinnin sareta koto.*

Yakin.

P: 信任された。

*shinnin sareta.*

Yakin.

Y: そうですね。  
はい。

*soudesune.*

*Hai*

Ya, benar.  
Ya.

[24] R menutup perbualannya dengan ujaran *haa*.  
(6968-6974)

R: …えー実は、あの、26日、その前の日の、内閣委員会ございまして、(えーえー) キュウヨ法の、その、えー、改正審議を(うん) しておったですけれども、本来あの、審議すべき、キュウヨ法の話し一切出さないですね、(えー) もっぱらZさんの、(うん) 問題に集中されて、(うん) しまったというようなこともございました。(うん)  
そういうようなことで、あのうZさんも、決断をされたんじゃないかと、<こんな風に思います。> {<} <はー。>

*...ee jitsuwa, ano, 26nichi, sonomaeno hino, naikaku iinkai gozaimashite, (ee, ee)kyuuyohou no, sono, ee, kaisei shingiwo (un) shite ottadesukeredomo, honrai ano, shingi subeki, kyuuyouhouno hanashi issai dezuni desune, (ee) moppara Z sanno, (un) mondaini shuuchuu sarete, (un) shimatta toiiuyouna kotomo gozaimashita. (un) Soiuuyouna kotode, anou Z sanmo, ketsudanwo saretanjanainokanato, <konnahuuni omoimasu>{<}*

**<haa.>**

*...ee sebenarnya, ano, pada 26 hari bulan, pada hari sebelumnya, ada jawatankuasa kabinet, (ee, ee) mengadakan, pengkajian semula undang-undang kyuuyo, itu, ee, sebenarnya, tidak keluar langsung cerita undang-undang kyuuyo yang perlu diberi perhatian, (ee) tetapi tertumpu kepada masalah, Z, hal seperti itu berlaku. (un)*

Dengan demikian, *anou* dalam keadaan seperti itu En Z pun, saya rasa telah buat keputusan, saya rasa seperti ini.  
**Haa.**

#### [25] R menutup ujarannya dengan *haa*.

(7005-7008)

R: ...こいいうことなんで、(うん) あー、そのくらいの<わらい>>ことでござりますから、(うん) やー、なんか、疑惑があるそいう風にっていうのは、受け取ることは、難しいんじゃない、(なるほど) かなというのが私の感じなんですけどね。

はー。

*...koiukotonande, (un) aa, sonokuraino <<wara>i>kotode gozaimasukara, (un)yaa, nanka, giwakuga aru soihuuni tteiunowa, uketoru kotowa, muzukashiinjanai, (naruhodone) kanatoiunoga watashino kanji nandesukedone.*

**Haa.**

*...Kerana hal seperti ini, (un) aa, kerana perkara seperti itu <<ketawa>>, (un) yaa, nanka, fahaminya sebagai ada kesangsian, adalah susah, (naruhodone) itu adalah apa yang saya rasa.*

**Haa.**

[26] Perbualan antara P dan R, R menutup perbualan dengan ujaran *hai*.  
(7088-7094)

P: 明日からですね。(はい)  
どうですか、この交渉に Zさんの発言が影響するのかどうなのかですね、するという人もおりますしね、どういう風にご覧になつてますか？

*ashitakara desune. (hai)*  
*Doudesuka konokoushouuni Z sanno hatsugenga eikyou surunoka dounanokadesune, suru toui hitomo orimasu shine, doiuhuuni goranni nattemsuka?*

Bermula dari esokkan?.(*hai*)  
Bagaimana dengan kenyataan Z adakah memberi kesan kepada perbincangan atau bagaimana, ada orang kata memberi kesan, bagaimana anda melihatnya?)

R: 私は全く関係はないと思ひますね。(うん)  
影響無いと、(ない) 考えております。  
はい。

*watshiwa mattaku kankeinaito omoimasune. (un)*  
*Eikyouwa naito, (nai) kangaeteorimasu.*  
*Hai.*

Saya fikir tiada langsung sebarang hubungan. (un)  
Saya fikir tidak memberi kesan.  
Ya.

*Hai* dan *haa* sebagai penutup perbualan kerap ditemui di dalam perbualan perorangan. Perbualan perorangan berlaku dengan lebih terkawal dan dengan nada suara yang tidak begitu tinggi atau laju seperti di dalam perbincangan berkumpulan. Penutup seperti ini menunjukkan penutur di dalam keadaan yang lebih tenang dan tidak begitu beremosi. Apa yang menarik, *hai* digunakan di dalam keadaan biasa atau emosi penutur stabil manakala *haa* digunakan apabila penutur mengalami sedikit tekanan daripada isu yang lebih berat. Jika sesuatu

isu itu tidak terlibat secara langsung kepada seseorang penutur walaupun isu tersebut serius atau berat, penutur tidak akan mengalami tekanan. Di dalam keadaan sebegini sipenutur akan menutup ujarannya dengan *hai* seperti di dalam perbualan [23] dan [26].

Walau bagaimanapun jika isu tersebut berkaitan secara langsung dengan dirinya, dan dia perlu mengambil jalan tengah iaitu tidak mengkritik pihak ketiga dan tidak pula menyokongnya secara terus terang maka *haa* digunakan. Ujaran R di dalam perbualan [24] dan [25] menunjukkan R mengujarkan *haa* apabila menyentuh skandal Z, (R baru sahaja menggantikan jawatan Z sebagai pegawai kanan kerajaan), sedangkan di dalam ujaran R di dalam perbualan [26], R menyebut *hai* apabila mengulas mengenai kesan tindakan Z kepada persidangan Jepun-Korea.

Ujaran *hai* atau *haa* tersebut tidak menolak secara terus terang dan fungsinya adalah sama, sama ada *hai* atau *haa*. *Haa* sekadar menunjukkan perasaan yang tidak begitu suka terhadap sesuatu perkara atau emosinya sedikit terganggu akibat isu yang berat, dan sukar baginya untuk membuat keputusan atau menjelaskan pendiriannya dengan lebih terperinci.

c) Menutup Perbualan dengan *Aizuchi Hai* dan *Naruhodo* oleh Pengerusi

P juga memberi jenis *aizuchi* yang tertentu bagi memberi isyarat kepada penutur agar menghentikan ujarannya. Seperti di dalam ujaran [27-1] di bawah, P memberi tanda bahawa P ingin menyerahkan hak bercakap kepada peserta lain dan penutur semasa boleh memberhentikan ujarannya pada masa yang sesuai. Di sini *hai* dan *naruhodo* yang diujarkan oleh P pada penghujung ujaran penutur semasa bukan sahaja bertindak sebagai *aizuchi* tetapi juga tanda penutup perbualan. Oleh itu penulis namakan *aizuchi* ini *aizuchi* penutup yang berperanan sebagai ‘lampa kuning’ kerana memberi isyarat awal supaya penutur semasa menghentikan ujaran selepas beberapa ketika. Ia boleh dibezakan dengan melihat bagaimana pada permulaan dan pertengahan ujaran P memberi *aizuchi* ‘un’ tetapi apabila ujaran peserta menjadi berjela-jela, P memberi ujaran ‘hai’ atau ‘naruhodo’. Malah nada *aizuchi* juga lebih tinggi dari *aizuchi* sebelumnya.

[27-1] *Aizuchi* yang dihantar oleh P kepada BB.  
(1606-1610)

**BB:** …全胸部、打撲というんでしょうかね、(うん) 二週間治療で、入院しました。(うん)  
そこでね、まー私はね、(なるほど) いろんな言い分はあると思いますけれどもね、(あー) 衆議院の皆さんのが何人か来られてね、(うん) 実力行使されてる。  
(なるほど)  
これもよろしく (なるほど) ありませんね。

*...zenkyoubu, daboku toiun deshoukane?, (un) 2 shuukan chiryoude, nyuuin shimashita. (un)*  
*Sokodene, maa watashiwane, (naruhodo) ironna ii bunwa aruto omoimasukeredomone, (aa) shuugiinno minasanga nanninka koraretene, (un) jitsuryoku koushi sareteru. (naruhodo)*  
*Koremo yoroshiku (naruhodo) arimasenne.*

...bahagian dada, adakah ia dipanggil cedera?, (un) 2 minggu rawatan, masuk hospital.(un)  
Dengan itu, saya, (*naruhodo*) saya rasa ada pelbagai alasan tetapi, (*aa*) ada beberapa ahli Dewan Perwakilan datang, (un) dan mengenakan tekanan.*(naruhodo)*  
Ini pun tidak berapa (*naruhodo*) elok.

P menghantar isyarat kepada BB bahawa P telah memahami maksud BB, oleh itu BB boleh menutup ujaran. *Aizuchi aa* dan *naruhodo* merupakan tanda bahawa P mahu BB bersedia menutup ujaran. Ini boleh dibuktikan dengan melihat bagaimana P dan pendengar lain tidak melakukan sebarang celahan atau gangguan, sebaliknya menunggu BB menghabiskan ujarannya. BB memahami maksud P dan membuat ujaran terakhir seperti di dalam ujaran [27-2], dengan mengujarkan *soiukotodene*, iaitu sebagai satu kesimpulan dari kesemua ujarannya sebelum ini. Selepas ujaran *soiukotode* ini, P sekali lagi memberi *aizuchi un*, yang menunjukkan kedua-dua pihak P dan BB mengetahui dan memahami ujaran *soiukotode* itu adalah tanda BB akan membuat ujaran terakhir. BB kemudian menutup perbualan dengan kata kerja *omotteimasu*.

[27-2] BB menutup ujaran setelah P memberi isyarat seperti di dalam [27-1]. Penggunaan kata kerja akhir *omotte orimasu* sebagai tanda TRP BB.

(1611-1613)

**BB:**そういうことでね、(うん) まーとにかく国会というものは与野党で審議をする(はい) ところですから、(うん) ぜひですね、(うん) 国会にご参加を賜りたい、(うん) そういう風にわれわれは思っております。

*Soiu kotodene, (un) maa tonikaku kokkai toiu monowa yoyatoude shingiwo suru (hai) tokorodesukara, (un) zehi desune, (un) kokkaini gosankawo tamawaritai, (un) souihuuni warewarewa omotte orimasu.*

**Oleh kerana itu,** (un) kerana Diet adalah tempat (un) parti pembangkang dan kerajaan berbincang,(hai) pembangkang mesti,(un) mengambil bahagian di parlimen, (un) itu apa yang **kami rasa**.

P akan menutup ujaran penutur semasa dengan melakukan celahan apabila ujaran peserta terlalu panjang atau jika peserta tersebut tidak memahami *aizuchi hai* atau *naruходо* sebagai tanda yang P mahu penutur itu menghentikan ujaran.

Kedua-dua strategi ini boleh dilihat di dalam perbualan berikut.

[28] Perbualan di antara H, P dan Q. P memberi *aizuchi hai* supaya H bersedia untuk menutup perbualan tetapi tidak dihiraukan oleh H. P kemudianya menutup ujaran H dengan membuat celahan dan memberi hak bercakap kepada Q.

(4136-4155)

H: ...だから、そういうこともやらなきやいけない。(うん)  
その、政治をやらなきやならない法律、あるいは予算、(うん)あの、いろんな課題がある。(うん)  
その問題を議論しながらでも結構ですが、前向きにどんどんですね、いわゆる審議引き、(うん)延ばしとか、(うん)そういうことじゃなしにですね、お互いに日本のためにやるという点では共通の土台があるわけですから、やっていただきたいと、(はい)その一ということをですね、(はい)これはね、この一、もっとね、日本の國のあり方をどうあるかというようなね、党首討論てのはね、本当はそういうことを、  
<議論していただきたいんですよ。> {<}

...dakara, soiukotomo yaranakya ikenai. (un)  
sono, seijiwo yaranakya naranai houritsu, aruiwa yosan,  
(un) ano, ironna kadaiga aru. (un)  
Sono mondaiwo giron shinagarade kekkoudesuga,  
maemukini dondondesune, iwayuru shingi hiki, (un)  
nobashitoka,(un) soiukoto ja nashini desune, otagaini  
nihonno tameni yaru toiu tendewa kyoutsuuno dodaiga  
aru wakedesukara, yatte itadakitaito, (hai) sonou, soiu  
kotowodesune, (hai) korewane, konou, mottone, nihonno  
kunino arikatawo dou aruka toiu younane, toushu  
tourontenowane, hontouwa souiuy kotowo <giron shite  
itadakitain desuyo.>{<}

...oleh itu, perkara itu pun mesti kita lakukan. (un)  
Itu, undang-undang menetapkan mesti berpolitik, ataupun belanjawan, (un) ada berbagai topik.(un)  
Sambil berbincang mengenai masalah itu pun tidak mengapa, secara positif, perdebatan, (un) atau menangguhkannya, (un) dengan tidak mengabaikan perkara tersebut, kerana ada asas bersama untuk negara Jepun, marilah bersama-sama melakukannya, (hai) itu, perkara sebegini, (hai) ini, keadaan sebenar negara Jepun yang bagaimana, adalah ucapan presiden parti, sebenarnya itu <yang lebih perlu diperbincangkan.>{<}

P: <そういう事でね、Qさん、>

<*souiu kotodene, Q san,*>

<Dengan itu, En. Q,>

Q: <はい。>

<*hai.*>

<*ya.*>

H: <*XXX*>

(Ujaran yang tidak dapat didengar dengan jelas kerana pertindanan)

Q: <えー、えー、> {>} ...

<*ee,ee*>{>}...

(Ujaran tidak bermakna, sedang mencari unit idea atau menunggu untuk H berhenti bercakap)

Jika kita melihat *aizuchi* di dalam perbualan ini, sebelum *aizuchi hai* digunakan, P menggunakan *aizuchi un*. Tetapi pada penghujung ujaran H, P menggunakan *aizuchi hai*. *Aizuchi hai* ini juga lebih tinggi nadanya daripada *aizuchi un*. Ini menunjukkan P memberi isyarat kepada H supaya H menghentikan ujarannya, tetapi H masih lagi membuat ujaran walaupun P telah pun beberapa kali membuat *aizuchi hai*. P akhirnya tanpa menghiraukan ujaran H, telah memberi hak bercakap kepada Q. P telah membuat celahan ke atas ujaran H. Di sini H masih meneruskan ujaran dan menyebabkan pertindanan berlaku antara ujaran P, Q dan H.

Di dalam perbualan ini penulis pasti H memahami apakah isyarat sebenar yang terkandung di dalam *aizuchi hai*, tetapi H masih meneruskan ujarannya tanpa menghiraukan bahawa hak bercakap telah pun diberi kepada peserta lain. Sebagai salah seorang daripada pemimpin parti terbesar kerajaan dan mempunyai status atau jawatan tinggi di dalam parti daripada peserta lain, H seolah-olah menunjukkan ‘kuasa’. Keadaan yang sama boleh dilihat di dalam perbualan H yang lain.

[29] Selain daripada *aizuchi haa, hai* dan *naruhoodo* yang diberi oleh P sebagai isyarat bahawa penutur semasa boleh menutup ujarannya, P juga memberi *aizuchi* yang sama apabila merasakan penutur semasa sudah berada di hujung ujaran.

(1683-1688)

CC: …そのさい、まーある意味では、衆議院ではすでに  
そのにじゅうという削減を、（うん）やったんですよ  
ね。（うん）

与党の責任でね。（うん）

じゃ来年の参議院選挙に向かって与党としてどう考  
えるかと、（うん）いうときそういう提案があつたん  
で、私どもは非拘束の問題もお受けして、（うん）認  
識の違いが大きいなーというのが、（はー）正直な感  
想なんです、（なるほど）私は。

... *Sono sai, maa aru imidewa, shuugiindewa sudeni*  
*sono nijuutoiu sakugenwo (un) yattandesuyone. (un)*  
*Yotouno sekinindene. (un)*

*Ja rainenno sangiin senkyoni mukatte yotou toshite dou*  
*kangaerukato, (un) iutoki souiu teianga attande,*  
*watashidomowa hikousokuno mondaimo oukeshite, (un)*  
*ninshikino chigaiga ookiinaa toiunoga, (haa) shoujiki*  
*na kansounandesu, (naruhodo) watashiwa.*

...Pada masa itu, dengan makna lain, di Dewan Perwakilan, telah membuat (*un*) pengurangan berganda. (*un*)

Melalui tanggung-jawab parti kerajaan. (*un*)

Untuk menghadapi pilihanraya Dewan Ahli Majlis pada tahun depan, sebagai parti kerajaan apa yang perlu difikirkan, (*un*) pada masa itu ada cadangan, saya juga menerima masalah format senarai tidak terhad , (*un*) **ada perbezaan pendapat yang besar, (*haa*) itu adalah pandangan (*naruhoodo*) saya.**

P: でも、FFさん、

*demo, FF san,*

Tapi, En. FF,

FF: はい。

*hai.*

Ya.

Di dalam perbualan [29] di atas, ujaran *~toi* *no ga* merupakan satu kesimpulan terhadap ujaran CC sebelum ini. *Aizuchi haa* diberikan oleh P bagi menunjukkan ‘persetujuan’ atau berkongsi pendapat yang sama dengan CC di dalam ujaran *ninshikino chigaiga ookiinaa toiunoga*. CC kemudian mengujarkan *shoujiki na kansou nandesu, watashiwa* sebagai penutup kepada perbualannya dan kemudian P memberi *aizuchi naruhodo*. Di dalam perbualan ini CC memberi isyarat melalui ujaran *toiunoga* bahawa dia akan menutup perbualannya dan P pula menerima isyarat tersebut dan turut menutup ujaran CC dengan *aizuchi haa* dan *naruhoodo*, kemudian memberi hak bercakap kepada FF.

### **5.3.3 Strategi Perbualan-Mengambil Giliran**

Pengambilan giliran pada umumnya berlaku apabila seorang penutur mengambil giliran bercakap setelah penutur semasa selesai menghabiskan ujaran.

Di dalam kajian ini, pengambilan giliran berlaku setelah P menamakan seseorang peserta supaya mengambil giliran bercakap setelah giliran penutur semasa selesai.

Ini berlaku di dalam perbincangan berkumpulan. Di dalam perbincangan perorangan pula, P tidak semestinya menamakan penutur seterusnya oleh kerana perbincangan hanya melibatkan P dan seorang peserta sahaja.

#### **a) P Menamakan Peserta yang Berhak**

P menggunakan pendekatan yang berbeza di dalam memberi hak bercakap kepada penutur perbincangan perorangan dan penutur perbincangan berkumpulan. Di dalam perbincangan perorangan, pengambilan giliran berlaku setelah P selesai memberi soalan atau setelah peserta selesai memberi jawapan. Di dalam perbincangan berkumpulan juga pengambilan giliran berlaku setelah selesai P dan para peserta membuat ujaran. Apa yang berbeza adalah, sebaik sahaja selesai sesuatu ujaran oleh peserta, P dengan serta merta terus menamakan peserta lain sebagai penutur seterusnya. Jika P tidak menamakan peserta yang sepatutnya mengambil giliran dengan seberapa segera yang boleh, setelah selesai dirinya atau peserta lain membuat ujaran, besar kemungkinan peserta lain akan berebut untuk mengambil giliran bercakap dan akan menyebabkan berlakunya pertindanan di dalam perbualan.

Kita boleh melihat contoh-contoh yang terdapat di dalam bab ini bagaimana P pada masa yang sama menggunakan dua pendekatan, bagi mengelakkan ujarannya dicelah oleh penutur lain iaitu,

1. menamakan penutur seterusnya sebaik sahaja penutur semasa menamatkan ujaran.
2. menamakan penutur seterusnya terlebih dahulu sebelum mengemukakan soalan.

Di bawah adalah contoh-contoh yang diambil dari data perbualan [7], [8] dan [29] bagi menunjukkan P mengambil giliran sebaik sahaja penutur semasa selesai membuat ujaran terakhir. P juga setelah mengambil giliran terus menamakan penutur kedua dan memberi giliran bercakap kepada penutur tersebut.

[7]

E: ...ですからね、たとえば今議論してた私設秘書 は公務員じゃないからとかいう、そういう形式的な、(うん) 話ではないんです、

*...desukarane, tatoeba ima giron shiteta shisetsu hishowa koumuuin janaikara tokaiu, souiu keishikitekina, (un) hanashidewa naindesu,*

...Oleh itu, misalnya seperti yang dibincangkan sekarang, setiausaha peribadi adalah bukan pegawai kerajaan, ini bukan perbincangan mengenai masalah bentuk,(un)

P: < C さん、これは今ま一実態の問題になると思うんですがね、(えー) あんまり形式の問題にこだわってもしょうがないじゃないかっていう。>「<」

<*C san, korewa ima maa jittaino mondaini naruto omoundesugane, (ee) anmari keishikino mondaini kodawattemo shouganai janaikatteiu.*>{<}

<En. C, saya rasa ini yang menjadi masalah yang sebenarnya sekarang, (ee) tidak perlu sangat bergantung kepada masalah bentuk. >{<}

[8]

P: F さん、この問題はどうなんですか？。

*Fsan kono mondaiwa dou nan desuka?*

En. F, bagaimana dengan masalah ini?

[29]

P: でも、FF さん、

*demo, FF san,*

Tapi, En. FF,

FF: はい。

*hai.*

Ya.

### b) Melalui Celahan oleh Pendengar

Seperti yang telah dinyatakan di dalam Bahagian 4.3.1(b) celahan merupakan salah satu usaha untuk mengambil giliran. Perbualan [14] di bawah merupakan celahan yang dilakukan oleh peserta yang berjaya merampas giliran setelah melakukan celahan.

[14]

P: <はい、BBさん。> {<}

*Hai, BBsan.*

Ya, En.BB.

BB: <まず政党、>

*Mazu seitou,*

Pertama sekali parti politik,

P: <今、今、>

<*Ima,ima,*>

<**Sekarang, sekarang,**>

BB: <まず政党を選んで、>

*Mazu seitouwo erande,*

Pertama sekali memilih parti politik,

GG: <XXX。>

P: <今、今>

*Ima,ima*

Sekarang, sekarang

BB: <それから後は、ちょっと待ってください。> {>}

*Sorekara, atowa, chotto mattekudasai.*

Dan, selepas itu, sila tunggu sekejap.

GG: ちょっと BBさん、聞きなさいよ。(うん)

*Chotto BB san, kikinasaiyo.(un)*

En. BB, awak dengar sekejap.

P: はい。

*Hai.*

Ya.

GG: あのね、私が全部まわったんだからね、(うんうん) ...

*Anone, watashiga zenbu mawattandakarane, (un un)...*

*Anone, oleh kerana saya telah pergi ke semuanya, (un un)...*

Walaupun P telah cuba untuk menghalang GG merampas giliran dari BB, dengan memberitahu bahawa ‘sekarang adalah giliran BB’ melalui ujaran P, *ima ima* (*ima* bermakna sekarang), usaha P tidak berhasil. BB juga turut cuba menghalang GG dari merampas hak bercakapnya melalui ujaran, *Sorekara, atowa*,

*chotto mattekudasai*, (*chotto mattekudasai* bermakna sila tunggu sekejap) tetapi GG tetap membuat celahan. P akhirnya menyerahkan hak bercakap kepada GG.

Ujaran 15 di bawah menunjukkan cubaan M untuk merampas giliran melalui ujaran *Iyaa, ichiban ue kara mitemimashouka?* (Tidak, Mahu tengok dari yang pertama?), tetapi tidak berhasil setelah L mempertahankan gilirannya melalui ujaran *sorekaranee, anou, maa saigo ni saigo made, anata, hanashi kikinasaiyo* (selepas itu, *anou, maa* akhir sekali, sampai akhir, awak, dengar cakap saya) dan *maa, ruuru mamonnai hitodesunee* (*maa*, awak orang yang tidak mematuhi peraturan).

[15]

L: ...もともとその与党案にですねー、(うん) 請託外すっていうのはもともとの野党案ですよ。

*...motomoto sono yotouanni desunee,(un) seitaku hazusutteiunowa motomotono yatouan desuyo.*

...Pada rang undang-undang yang dibuat oleh parti kerajaan, (un) terdapat cadangan yang dikeluarkan dan itu adalah sebenarnya rang undang-undang yang dibuat oleh parti pembangkang.

M: <いやー、一番上から見てみましょうか？。> {<}

<*Iyaa, ichiban uekara mitemimashouka?.*>{<}

<**Tidak, Mahu tengok dari yang pertama?.**>{<}

#: <あんた XXX 国會議員、>

<*AntaXXXkokkai giin,*>

<*Awak, XXX ahli Diet,*>

L: <それからねー、あのー、まー最後に最後まで、>  
あなた、話聞きなさいよ、

<*Sorekaranee, anou, maa saigoni saigo made,* > *anata, hanashi kikinasaiyo,*

<*Selepas itu, anou, maa akhir sekali, sampai akhir,*  
>*awak, dengar cakap saya,*

P: <はい。>

<*Hai.*>

<*Ya.*>

L: <まー、ルール守ない人ですねー。>

<*Maa,ruuru mamonnai hitodesunee.*>

<*Maa, awak orang yang tidak mematuhi peraturan.*>

P: <はい、Lさん。> {>}

<*Hai, L san.*>{>}

<*Ya, En. L.*>{>}

L: それでねー、...

*Soredenee,...*

Dan,...

Kedua-dua contoh [14] dan [15] menunjukkan usaha yang telah dibuat oleh GG dan M bagi merampas giliran. Walaupun M gagal di dalam usahanya untuk merampas giliran tetapi tetapi kenyataan bahawa celahan merupakan satu strategi untuk merampas giliran adalah tidak dapat disangkal.

#### **5.4 Penutup**

Beberapa strategi yang digunakan oleh penutur semasa untuk mengekalkan gilirannya sendiri serta strategi untuk menutup gilirannya sendiri atau menutup giliran oleh P telah dijumpai di dalam kajian ini. Turut dijumpai di dalam kajian ini adalah jenis-jenis *aizuchi* tertentu yang dihantar oleh P. *Aizuchi* ini memainkan peranan yang sangat penting di dalam perbualan. *Aizuchi* yang dihantar kepada penutur semasa bukan sahaja memberi mesej agar penutur semasa meneruskan ujaran, sebaliknya turut memberi mesej agar penutur semasa bersedia untuk menamatkan ujarannya.